

Melayu rasa tercabar

Oleh ABDUL RAHMAN MAIDIN

INSTITUT Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) memberi pandangan serta membuat kajian untuk membuktikan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menjadi teras dasar ekonomi *affirmative action* kerajaan sebenarnya telah mencapai tahap yang lebih daripada memuaskan.

Sudah sampai masanya, kata mereka, kerajaan melaksanakan dasar yang lebih neutral atau melaksanakan dasar pasar terbuka atau dasar meritokrasi.

Selagi dasar dan teras dasar sedemikian tidak mematuhi spesifikasi mereka selagi itulah perkembangan ekonomi Malaysia terbantut dan ekonomi Malaysia kekal terkebelakang dan tidak mampu bersaing dengan negara-negara lain yang mengamalkan dasar dan strategi yang neutral dan terbuka dan kerana itu menjejaskan hak dan kepentingan mereka. Itulah dia kesimpulan mereka.

Malangnya, pihak-pihak yang berwajib - pemikir, penyelidik serta tokoh-tokoh intelek dan bijak pandai Melayu sepatutnya tidak membiarkan fitnah dan pemboghongan sedemikian bermaharajalela dan berterusan kerana realitinya jauh sebalik apa yang mereka katakan.

Kenyataan sedemikian sebenarnya amat *divisive* kerana boleh mencetuskan kerunsingan dan rasa tidak senang orang Melayu yang nyata-nyata tertinggal, terpinggir dan terabai dalam negara sendiri.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) sebagai badan yang memperjuangkan ekonomi masyarakat Melayu dan kepentingan ekonomi masyarakat usahawan Melayu bersama seluruh warga usahawan Melayu di tanah air terpinggir untuk memberi peringatan serta teguran tegas kepada mereka yang terbabit dalam isu ini.

DPMM ingin menyebut dan mengingatkan mereka yang jahil dan tidak mempedulikan kedudukan masyarakat Melayu mengenai beberapa perkara supaya mereka jangan berbuat sewenang-wenangnya kerana padahnya yang besar kepada negara ini.

Pertama, isu-isu yang melibatkan DEB dan Agenda Melayu serta isu-isu ekonomi berkaitan yang membabitkan orang Melayu atau masyarakat Melayu adalah isu yang menyentuh kedudukan ekonomi orang Melayu, isu yang menjadi hak orang Melayu memikirkannya demi kepentingan orang Melayu.

DEB dan Agenda Melayu bukan isu kaum lain. Orang Melayu membangkitkan perkara yang melibatkan mereka

sebagai satu kaum majoriti dalam tanah air mereka sendiri. Mereka menyebut tentang kedudukan mereka dalam banyak bidang, tidak kurang utamanya, dalam bidang ekonomi dan perniagaan atau keusahawanan. Mereka tidak membangkitkan atau mempersoalkan isu atau kedudukan orang Cina, India ataupun warga asing.

Kedua, dalam konteks yang sama, isu agama Islam adalah isu yang membabitkan orang Melayu dan orang Islam. Orang yang tidak Islam tidak ada kaitan sedikit pun dengan Islam. Malah mereka yang tidak Islam pasti jahil tentang Islam. Justeru, mereka tidak sewajarnya bercakap atau membangkitkan sesuatu yang menyentuh agama orang Melayu iaitu agama Islam. Mereka boleh bincangkan agama mereka. Orang Melayu tidak ambil peduli.

Tetapi, apabila mereka masih campur, menyentuh dan mendebatkan agama Islam, mereka telah melampaui batas.

DPMM yang merupakan pertubuhan orang Melayu yang beragama Islam tidak dapat membenarkan mana-mana pihak yang memberi ruang dan ruang kepada orang bukan Islam melibatkan diri dalam penentuan yang melibatkan Islam dan syariatnya.

Ketiga, sejumlah 65 peratus kurang lebih rakyat Malaysia adalah orang Melayu dan orang Islam. Mereka adalah golongan majoriti dalam negara mereka sendiri. Oleh itu terpujanglah kepada orang Melayu untuk membuat penentuan sesama mereka apakah mereka inginkan kekayaan Malaysia ini adalah 30 peratus atau 40 peratus atau 65% hak atau milik mereka.

Kaum lain tidak boleh pertikaikan Agenda Ekonomi orang Melayu. Merekalah yang menggubalnya dan membuat ketetapan mengenainya serta melakarkan strategi dan program ke arah mencapainya dan berusaha untuk mendapatkannya.

Orang Melayu tidak persoalkan agenda ekonomi kaum lain ataupun agenda ekonomi bukan warganegara. Orang Cina dan India bebas membuat agenda mereka. Orang Melayu juga bebas melakarkan agenda mereka. Jika mereka ingin kekayaan Malaysia 65 peratus milik mereka, itu hak mereka meran-

cang dan mengusahakannya. Kaum lain tidak ada hak menghalang atau membantah keperluan masyarakat Melayu.

Keempat, masyarakat Melayu menuntut supaya data yang jelas mengenai prestasi ekonomi, pendidikan dan segala yang terkait dengan kaum Melayu sebagai kaum majoriti di negara ini, ia perlu dipisahkan dari data pemilikan kerajaan atau agensi-agensinya sama ada di peringkat pusat atau di peringkat negeri.

Oleh yang demikian, kedudukan orang Melayu yang jelas sekarang ini terpinggir dalam semua fakta ekonomi dapat dihalusi dan tugas baru dapat diberi kepada pemimpin-pemimpin masyarakatnya dan dipertanggungjawabkan membaik pulih serta mengangkat kedudukan masyarakatnya setaraf dengan kedudukan kaum-kaum lain dalam negara ini.

Ini akan mengelakkan pemboghongan dan putar belit mengenai data ekonomi dan data yang berkaitan dengan kedudukan orang Melayu untuk mengisi niat dan keperluan yang tidak sesuai dengan keharmonian negara ini, seterusnya pencemuran yang tidak disenangi oleh masyarakat Melayu dapat dielakkan.

Kelima, orang Melayu kini sedar bahawa mereka terpinggir, tersisih, terkebelakang dan menagih sokongan dan bantuan kepimpinan mereka.

Pemimpin Melayu menyepi dalam isu kesamarataan hak dan kesaksamaan peluang dan kedudukan dalam bidang ekonomi dalam Malaysia.

Para cerdik pandai Melayu, tokoh-tokoh korporat Melayu, penyelidik dan pemikir Melayu juga harus bangun membela semua keperluan termasuk keperluan intelektual masyarakat Melayu dan bagaimana masyarakat Melayu boleh dimartabatkan dalam bidang ekonomi dalam negara mereka sendiri, serta mengutamakan kebajikan dan kepentingan bangsa Melayu.

Akhir-akhir ini ada pemimpin Melayu dan tokoh daripada masyarakatnya sudahlah tidak membela orang Melayu, malah mereka pula tanpa segan dan malu mencemuh, mengkritik dan mengkhianati keperluan orang Melayu, masyarakat dan kaum mereka sendiri.

Di manakah tempat orang Melayu ingin mendapat pembelaan?

Um-17/10/2006
Kedudukan orang Melayu yang jelas sekarang ini terpinggir dalam semua fakta ekonomi dapat dihalusi dan tugas baru dapat diberi kepada pemimpin-pemimpin masyarakatnya dan dipertanggungjawabkan membaik pulih serta mengangkat kedudukan masyarakatnya setaraf dengan kedudukan kaum-kaum lain dalam negara ini

Keenam, kepimpinan Cina dan India, mengutamakan kepentingan dan kebajikan bangsa mereka sendiri. Mereka mengusahakan segala sesuatu dengan intelek mereka - dari dalam dan luar negara - untuk memperkukuhkan kedudukan ekonomi dan politik mereka. Kita tidak boleh salahkan mereka. Itu tindakan yang wajar. Orang Cina pasti-lah fikirkan kebajikan Cina. Begitu jugalah orang India.

Itu sememangnya lumrah masyarakat dan bangsa di mana-mana.

Ketujuh, jelaslah, kesinambungan kebajikan dan kedudukan ekonomi Melayu bergantung kepada orang Melayu yang menjadi rakyat Malaysia. Orang Melayu wajib bergantung kepada masyarakat atau rakyat Melayu sendiri. Mereka sahajalah yang dapat sama-sama menolong Melayu.

Maka, dengan itulah DPMM sekian lama memperjuangkan moto "Melayu Tolong Melayu" di kalangan masyarakat Melayu kerana tiada siapa yang orang Melayu boleh harapkan menolong mereka, selain mereka sesama mereka bantu-membantu dan tolong-menolong.

Kemudian, mereka wajib memulakan jihad mereka iaitu langkah ke arah memperjuangkan kepentingan bangsa mereka dalam senario yang penuh cabaran tanpa panduan dan sokongan mana-mana pihak itu.

Menjelang 2020 Malaysia akan menjadi negara maju mengikut acuannya sendiri. Orang Melayu akan terkejut melihat bahawa kaum mereka kekal marhaen di bumi tumpah darah mereka. Itulah yang akan berlaku melainkan mereka sama-sama memikirkankan strategi bagaimana mereka boleh menapak dalam semua bidang terutama dalam bidang ekonomi, dengan berjuang membela nasib mereka sendiri secara bersama dan sesama masyarakat Melayu walau di mana mereka berada.

□ DATUK SERI ABDUL RAHMAN MAIDIN ialah Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. (DPMM)